

**PETIKAN TITAH**

"BARANGSIAPA yang ingin berjaya bagi dirinya sendiri dan membawa juga kejayaan itu kepada orang lain, maka hendaklah dia memiliki sekeping hati yang bersih. Jika ada hati yang bersih, semua

**MANISNYA IMAN**

"KEMUDIAN sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan orang-orang yang lebih patut disiksa dan dibakar dengan api Neraka itu dan tiada seorang pun di antara kamu melainkan akan sampai kepadanya.

**R abu**

31 Ogos 2005  
26 Rejab 1426  
Tahun 50 Bilangan 35

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Melirik Masa Silam](#)[Kan Halnya](#)[Menjana Kesihatan Biskita](#)[Aneka Rencana](#)[Ekonomi](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Sepuluh Negara Satu Masyarakat](#)[Sudut Perkhidmatan Awam](#)[Minda Pembaca](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Jawatan Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

KURSUS Sivik bagi siswa siswi seberang laut yang dikendalikan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (dikenali sebelumnya antaranya sebagai Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan) dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan, mula diadakan pada tahun 1976. Manakala Perkampungan Sivik Mahasiswa/ Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2005 pada 28 Ogos hingga 1 September 2005 adalah Kursus Sivik yang ke-29. Antara objektif perkampungan itu ialah memberikan kefahaman hal-ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat keprihatinan cintakan raja, bangsa, agama dan negara yang berteraskan falsafah 'Melayu Islam Beraja' dan memberikan kefahaman mengenai keperluan semasa negara di bidang kemajuan sosial, ekonomi dan keselamatan negara. - Sumber: *Siaran Akhbar Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (27 Ogos 2005) & Buku Program Perkampungan Sivik Mahasiswa/ Mahasiswi Negara Brunei Darussalam*

**HALUAN**

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanca Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Majlis Perasmian Pameran Urusan Rumah Tangga Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 anjuran Persatuan PERTIWI bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

**Pembinaan akidah,  
ibadah, kekuatan mental,  
penting untuk anak-anak**

*Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, Tuhan seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat dan para sahabat Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir di majlis yang berkebakjikan ini.

Terlebih dahulu beta dengan sukacita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran Urusan Rumah Tangga 2005, Persatuan PERTIWI, kerana menjemput beta hadir dan seterusnya bagi merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di negara ini, alhamdulillah, masyarakat kita hidup di dalam keadaan berharmoni serta bersatu padu ke arah mengukuhkan suasana negara yang selamat lagi sejahtera.

Kekuatan institusi kekeluargaan setentunya memainkan peranan yang amat besar di dalam memelihara dan mengekalkan keharmonian dan perpaduan di segenap kalangan rakyat, terutamanya generasi muda yang bakal menjadi pewaris generasi akan datang.

Oleh yang demikian, ibu bapa, untuk membentuk peribadi anak-anak mereka, agar menjadi ahli masyarakat yang berakhlak mulia.

Peranan ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka makin bertambah kepentingannya di dalam kehidupan berkeluarga masa kini.

Didikan yang beta maksudkan di sini bukan hanya didikan jasmani dan akademik tetapi termasuklah juga didikan rohani.

Ibu bapa masa kini memang sedar betapa pentingnya kelulusan akademik kepada anak-anak mereka.

Dengan adanya sistem pelajaran yang lebih berkesan dan sofistikated, ramai di kalangan anak-anak hari ini yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam pelajaran mereka.

Walaupun bagaimanapun, sesungguhnya kecemerlangan akademik itu sangat penting, ianya akan kehilangan maknanya tanpa ada keseimbangan akhlak yang baik dan ciri-ciri mulia seperti berdisiplin, hormat dan jujur.

Justeru itu, perhatian harus diberi kepada pembinaan akidah serta ibadah dan kekuatan mental supaya anak kita sedia untuk menghadapi dan menjauhkan diri mereka daripada apa jua pengaruh-pengaruh buruk.

Apabila didikan yang seimbang ini menghasilkan ciri-ciri kekuatan dan keyakinan di dalam diri anak-anak kita, insya-Allah dengan sendirinya, keluarga kita akan dapat mengamalkan kehidupan bersatu ke arah mencapai kesejahteraan yang berkekalan.

Maka dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', beta dengan sukacitanya merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Tahun 2005.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.